



Barisan tengah dari kiri, Melor, Abdul Razaq, Norazah dan Abdul Munir bersama pelajar TESL UKM.

Tingkat kemahiran Bahasa Inggeris

UKM bantu kecemerlangan peserta AMG Kohort IX

AKADEMI Menara Gading (AMG) Kohort IX di-raungi Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdulrahman Sultan Haji Ahmad Shah, menganjurkan program English Camp bertemakan 'Just Write and Be Bright' bagi meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris peserta dari pelbagai aspek menggunakan pendekatan bersepadu dengan keperluan pelajar luar bandar.

Program dua hari itu diendalikn 40 pelajar Teaching English As a Second Language (TESL) Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) disertai 150 peserta AMG dalam kalangan pelajar miskin dan anak yatim dari 38 sekolah di Kuantan dan Pekan.

Program anjutan Yayasan Istana Abdul Aziz dengan kerjasama Yayasan Kosma dan Fakulti Pendidikan UKM yang disertai dua pemsyarah itu turut melaksanakan aktiviti secara atas talian bagi membuat pamarataan berterusan kepada peserta

AMG.

Kem yang berlangsung di Akademi Menara Gading Learning Centre, Kuantan, itu diarahkan Dekan Fakulti Pendidikan, Prof Dr Norazah Mohd Nordin.

Turut hadir, Pengurus Besar Yayasan Istana Abdul Aziz, Datoq Abdul Mumin Abdul Basit; Pengurus Akademi Menara Gading, Prof Madya Datoq Dr Abdul Razaq Abrar; Prof Madya Dr Melor Md Yusoff dan alumni AMG.

Program dan modul seperti itu pernah diguna pakai peserta AMG sebelum ini dan ia terbukti membantu meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan peserta.

Sejak 1999 hingga kini, merangkumi lapan kohort berjaya merembat 871 pelajar miskin dan anak yatim ke universiti.



Norazah, Abdul Munir, Abdul Razaq dan Melor bersama pelajar UKM juga peserta AMG.



Melor mengendalikan bengkel 'Just Write and Be Bright'.

Abdul Munir menyampaikan cenderamata kepada Norazah disaksikan Abdul Razaq dan Melor.